



Menteri Pendidikan Tinggi bangga dengan program Kejuruteraan Jerman UMP

Menteri Pendidikan Tinggi, Dato' Seri Idris Jusoh berbangga dengan keupayaan Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang dapat menjalinkan kerjasama dengan pihak Jerman terutamanya dalam melaksanakan program Dwi-Ijazah UMP-HsKA yang kini masuk tahun keempat.

Sehingga kini, seramai 74 orang pelajar telah mengikuti program Mekatronik dan seramai 61 orang bagi pengajian program automotif. Program kejuruteraan ini juga sentiasa ditambah nilai melalui proses penanda aras secara berterusan menggunakan model bertaraf dunia seperti program kerjasama dengan Karlsruhe University of Applied Science (HsKA) Jerman.

Dato' Seri Idris berkata, UMP berjaya mendapat kepercayaan daripada pihak institusi Jerman khususnya, HsKA Jerman bagi menjalinkan hubungan kerjasama akademik dalam program kejuruteraan bertaraf dunia.

"Hubungan kerjasama ini adalah sesuatu yang membanggakan

pihak kementerian dan merupakan keistimewaan universiti ini berbanding lain-lain universiti. Dalam pada itu UMP juga mempunyai modul terbaik dan dipilih bagi pelaksanaan program Sistem Bersepadu Purata Gred Nilai Kumulatif (ICGPA) yang bakal dijalankan tidak lama lagi," katanya dalam pertemuan rasmi Menteri Pendidikan Tinggi bersama pengurusan universiti yang berlangsung di Pejabat Menteri di Putrajaya pada 18 Ogos 2015 yang lalu.

Tambah beliau, UMP dikenali dalam kalangan pemain industri serta syarikat Jerman di Malaysia termasuklah Mercedes, Audi, BMW, VolksWagen, Porsche, dan Ford serta pihak kedutaan Jerman di Malaysia.

Selain itu, UMP turut dikenali dan aktif dalam melaksanakan program kesukarelawanan melibatkan komuniti setempat. Ianya dapat memupuk semangat suka membantu dan menambah nilai terhadap pelajar UMP apabila menamatkan pengajian nanti.

Hadir dalam pertemuan ini, Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd. Yunus, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dr. Mashitah Mohd. Yusoff, Pemangku Pendaftar, Abd. Rahman Haji Safie, serta barisan pengurusan tertinggi UMP yang lain. Hadir sama Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Profesor Dato' Dr. Asma Ismail dan Ketua Setiausaha KPT, Datuk Seri Ir. Dr. Zaini Ujang.

Dalam pertemuan ini juga turut membincangkan tentang pembangunan kampus UMP Pekan, pencapaian semasa universiti serta pencapaian Pelan Strategik UMP 2011-2015.

Turut dibincangkan Perancangan Pelan Strategik UMP yang akan diselarikan dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) PPPMPT dengan bertemakan 'Soaring Upwards'.